



KAJIAN PENYELIDIKAN

KEPRIHATINAN PENGGUNA ISLAM TERHADAP BARANGAN HALAL DI SABAH

DISEDIAKAN OLEH:
DAYANGKU ASLINAH ABD. RAHIM
ROSLINAH MAHMUD
KHAIRUL HANIM PAZIM
BEATRICE LIM FUI YEE

**SEKOLAH PERNIAGAAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Abstrak

Keperihatinan Pengguna Islam terhadap barang Halal di Sabah

Industri barang dan perkhidmatan halal telah berkembang dan kini menarik perhatian masyarakat global. Hasrat kerajaan adalah untuk meletakkan Malaysia sebagai hab halal di rantau Asia Tenggara. Dalam usaha untuk menyokong visi kerajaan, kajian ini akan menyediakan tinjauan awal tentang persepsi pengguna Islam terhadap barang dan perkhidmatan halal di Kota Kinabalu. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap keprihatinan pengguna Islam terhadap barang dan perkhidmatan halal. Responden terdiri daripada pengguna Islam sekitar Kota Kinabalu tanpa mengambilkira tahap umur. Kajian soal selidik telah dijalankan untuk pengumpulan data. Sejumlah 120 responden beragama Islam telah dipilih menggunakan kaedah pensampelan kebarangkalian. Dapatkan kajian mendapati bahawa pengguna Islam di Kota Kinabalu mengambil berat tentang logo halal yang dipamerkan dalam produk dan perkhidmatan. Logo halal adalah sangat penting untuk meningkatkan keyakinan pengguna terhadap produk terutamanya logo yang diiktiraf oleh Jabatan Agama Islam. Ini termasuk logo halal dari negara luar seperti Thailand, Brunei, Indonesia dan Singapura. Selain daripada itu, dapatkan juga menunjukkan sumber maklumat seperti internet, media bercetak, pameran, seminar dan ceramah adalah penting untuk meningkatkan tahap keyakinan terdapat produk dan perkhidmatan halal. Kajian ini mencadangkan dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran pengguna Islam, pengetahuan tentang halal harus diperkenalkan pada peringkat sekolah. Dalam masa yang sama, pihak yang bertanggungjawab mesti meningkatkan kecekapan dalam mengeluarkan sijil halal dan dengan menjalankan penguatkuasaan dari masa ke semasa untuk meningkatkan tahap keyakinan di kalangan pengguna Islam terhadap barang dan perkhidmatan halal.

Kata kunci: Halal, barang dan perkhidmatan, Pengguna Islam